



# Galeri Pameran Painting on Love

Pengaruh teknik catan India



Oleh Adli Shahar  
adli@bharian.com.my

**P**ENGARUH teknik catan dari India dapat disaksikan pada Pameran Solo *Painting on Love* karya Syed Thajudeen di Galeri KL Lifestyle Art Space (KLAS) Bangsar, Kuala Lumpur yang berlangsung sehingga 30 September ini. *Painting on Love* menampilkan 42 karya menggunakan bahan tara minyak di atas kanvas dan dakwat di atas kertas termasuk beberapa karya terbaru tahun ini.

Antara karya yang dipamerkan ialah *Ka'bah*, *Ibu* dan *Meeting of the Eyes II* serta enam catan dalam *Siri Waiting for the Lover in Kebaya Labuh Songket*.

Karya lain yang turut dipamerkan ialah *The Royal Barge* yang dihasilkan pada 2005; *Holy Book* (2004); *Merdeka* (2007); *Jalur Gemilang* (2002) dan *Lightness of Being* (1999).

Ketua Pegawai Eksekutif KLAS, Datuk Gary Thanasan berkata, pengaruh India itu berpunca daripada pendidikan yang diterima Syed Thajudeen ketika mengikut pengajian dalam bidang kesenian di Madras College of Arts, India dari 1968 hingga 1974, selain pernah menetap di sana pada zaman kanak-kanaknya.

"Koleksi karya Thajudeen mempunyai identiti tersendiri yang begitu mudah dikenali kerana ia dapat dilihat pada figura badan yang memanjang dan imej mata serta bibir yang tersendiri pada subjek karyanya.

"Satu perkara yang menarik mengenai karya Thajudeen sejak lima tahun kebelakangan ini ialah beliau mula menggunakan teknik catan yang lebih bergaya digabungkan dengan gaya konvensional," katanya kepada Galeri.

Beliau berkata, ia terbukti dalam beberapa hasil kerjanya yang dipamerkan kali ini, sekali gus menjadi kayu ukur menilai Syed Thajudeen yang mencapai tahap tersendiri selepas berkecimpung selama 40 tahun dalam dunia seni lukis.

Thajudeen ketika mengulas catan *Waiting for the Lover in Kebaya Labuh Songket*, berkata ia adalah pemerhatian pada zaman kanak-kanaknya sekitar

1950-an di kampung halamannya di Pulau Pinang.

"Pada ketika itu, saya dapat melihat begitu ramai wanita memakai pakaian tradisional berkenaan dan menjadikannya siri catan.

"Catan *Merdeka* dan *Jalur Gemilang* yang pernah dipamerkan sebelum ini, menggambarkan semangat patriotisme yang membuak-buak," katanya yang dibawa ketika pergi berperang dan mengembara," katanya pada pertemuan dengan Galeri, baru-baru ini. Seorang lagi artis, Salmah Ali, pula

menerangkan karyanya, *Glass Spider* dihasilkan menggunakan dawai untuk mengikat guli bagi mendapatkan imej seekor labah-labah dan pendekatannya yang digunakan itu menjadikan arca rekaannya tampak istimewa.

"Ini adalah percubaan pertama saya dalam menghasilkan seni arca. Labah-labah dipilih sebagai subjek kerana sifatnya yang gigih," katanya.

Artis lain yang terbahit pada pameran ini ialah Norazlan Ahmad, Chin Wan Kee, Tan Bee Him, Khoo Gaik Sim, Mohd Aliff Ahmad, Ahmad Sukri, Mohd Haniff, Muhammad Idrus, Ahmad Syafiq Sirat, Rosli Zakaria, Shaliza Juana, Zainuddin Abindinhazir, Anassuwandi Ahmad, Mior Nafis, Azman Ismail, Wan Zaida Wan Samidin, dan Roslan Ahmad.

Pengarah Urusan Galeri Seni Pelita Hati, Raja Annuar Raja Siffudin berkata, pameran di galeri terbabit pada kali ini, tidak menetapkan tema khusus bagi memberi kebebasan dan ruang kepada artis untuk menghasilkan arca mereka mengikut selera masing-masing.

"Artis yang menghasilkan seni arca berhadapan dengan pelbagai kekangan seperti material, peralatan, dan ruang untuk berkarya. Hendaknya tanpa tema khusus, mereka dapat menghasilkan karya terbaik. Galeri sedar ramai artis yang belajar seni arca tiada tempat mempamerkan karya. Saya berharap Ilham menjadi medan mempamer bakat mereka," katanya.




►► Gary Thanasan



## INFO

### Painting on Love

- Lokasi: KL Lifestyle Art Space, Jalan Maarof, Kuala Lumpur
- Telefon: 019-3337668
- Tarikh: sehingga 30 September
- Karya: 42



"Pada ketika itu, saya dapat melihat begitu ramai wanita memakai pakaian tradisional berkenaan dan menjadikannya siri catan"

Syed Thajudeen  
Pelukis

